



**SIARAN MEDIA  
KEMENTERIAN KEWANGAN**

---

**BNPL, KUTIP HUTANG, PAJAKAN BAKAL DIKAWAL SELIA DENGAN  
KELULUSAN RUU KREDIT PENGGUNA 2025**

---

Dewan Negara telah meluluskan Rang Undang-Undang Kredit Pengguna 2025 (RUUKP) pada 4 September 2025, yang akan memperkukuh kawal selia terhadap industri kredit pengguna dan melindungi rakyat daripada amalan kredit yang tidak adil, tidak telus, dan menindas.

Buat masa ini, terdapat enam perkhidmatan kredit pengguna yang tidak dikawal selia oleh mana-mana pihak — termasuk skim beli sekarang bayar kemudian (*buy now pay later*; BNPL), pemfaktoran, pajakan, perkhidmatan kutipan hutang, dan pengurusan hutang. Dengan kelulusan RUUKP, semua perkhidmatan ini akan dikawal selia oleh Suruhanjaya Kredit Pengguna (SKP) di bawah Fasa 1 apabila akta ini dikuatkuasakan kelak.

RUU ini, yang diluluskan selepas bacaan kali ketiga oleh YB Lim Hui Ying, Timbalan Menteri Kewangan, akan menjadi sebuah akta induk yang akan diguna pakai oleh semua Pihak Berkuasa Pengawal Seliaan dan Penyeliaan (*Regulatory and Supervisory Authority*; RSA) dalam memantau aktiviti kredit pengguna di bawah agensi masing-masing.

“RUUKP merupakan manifestasi reformasi berpengaruh untuk memperkukuh perlindungan pengguna dan mengatur semula landskap kredit negara. Kerajaan MADANI tidak memandang remeh prinsip keadilan dan keterangkuman dalam semua aspek tatakelola demi memastikan kemaslahatan rakyat terjamin. Keyakinan terhadap institusi juga diharap dapat dipulihkan, seperti digagaskan dalam kerangka Ekonomi MADANI,” kata YB Lim.

RUUKP dijangka diwartakan pada akhir tahun ini dan akan memberi perlindungan lebih menyeluruh kepada pengguna melalui kawal selia caj keterlaluan dan amalan kutipan hutang yang beretika. Dalam masa yang sama, ia mewujudkan kerangka kawal selia yang konsisten untuk pemain industri kredit, sekaligus memperkukuh kepercayaan terhadap sistem kewangan negara.

RUU ini juga membuka laluan kepada penubuhan SKP, sebuah badan bebas yang akan mengawasi dan mengawal selia penyedia kredit yang sebelum ini tidak dikawal.

Selain itu, SKP mempunyai empat fungsi utama iaitu menasihati Menteri Kewangan dalam semua perkara berkaitan kredit pengguna; menasihati Kerajaan dalam pembentukan dasar kebangsaan berkaitan kredit pengguna; menggalakkan perlakuan yang adil, profesional dan bertanggungjawab oleh semua pemberi kredit dan pemberi perkhidmatan kredit dan; menggalakkan perkembangan industri kredit pengguna yang cekap dan telus.

**Kementerian Kewangan**

Putrajaya

5 September 2025